



Headline: Jangan biarkan hati anda 'digodam'
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 14 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 3

Jangan biarkan hati anda 'digodam'

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Jika anda tertarik dengan tawaran 'indah' di laman sosial seperti pekerjaan bergaji tinggi, hadiah lumayan atau mesej peribadi dari lelaki tampan dan kaya yang mahu menumpang kasih sayang, awas! Hati anda sedang 'digodam'.

Sebagai warganet yang menggunakan laman sosial, anda perlu bijaksana agar tidak tergolong dalam ribuan netizen yang menjadi mangsa penipuan siber saban tahun.

Statistik Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) di bawah Cyber Security Malaysia (CSM) menunjukkan, aduan insiden penipuan siber adalah yang tertinggi diterima saban tahun berbanding jenayah siber lain, yang menunjukkan tahap kesedaran pengguna internet di negara ini masih rendah.

Sepanjang Januari hingga Julai 2019, sebanyak 3,127 kes penipuan siber diadukan kepada myCERT. Statistik sejak 2008 juga menunjukkan aduan penipuan siber adalah yang tertinggi setiap tahun berbanding jenayah siber lain.

Sepanjang tahun 2018, penipuan siber menjadi jenis jenayah siber tertinggi yang dilaporkan kepada MyCERT iaitu 5,123 aduan selain pencerobohan sebanyak 1,805 dan kod jahat sebanyak 1,700 aduan.

Antara jenis aduan penipuan siber yang diterima ialah

memancing data (*phishing*), penipuan pekerjaan, *Nigerian scam*, penipuan loteri dan penipuan dalam talian termasuk urus niaga jual beli barangan.

Ketua Pegawai Eksekutif CSM Datuk Amirudin Abdul Wahab berkata, sebagai pengguna internet, warganet boleh mengambil beberapa langkah untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan siber termasuk *love scam* (penipuan cinta).

"Jangan mengemas kini status yang menunjukkan anda dalam kesunyian, sedang mencari pasangan hidup, terdesak untuk memiliki seseorang atau seumpamanya kerana status sebegini boleh menarik perhatian penjenayah siber.

"Percaya atau tidak, pasukan penjenayah siber dilatih secara terancang termasuk mengkaji psikologi manusia. Mereka sebenarnya melaksanakan 'kejuruteraan kemanusiaan' ke atas warganet," katanya kepada *Bernama* baru-baru ini.

Mereka juga dinasihatkan supaya jangan terlalu mudah menerima permohonan untuk menjadi rakan di media sosial sebaliknya memastikan dahulu sama ada akaun berkenaan benar atau palsu.

"Timbulkan perasaan ragu dan syak khususnyanya kepada pernyataan seolah-olah dia berkedudukan, berpangkat, baru mendapat pekerjaan dan berharta," katanya. - **BERNAMA**

